



# PERLEMBAGAAN

**BAGI PERTUBUHAN INDUK**  
**PERSATUAN ANAK MELAYU JOHOR**  
**WILAYAH PERSEKUTUAN & SELANGOR**  
**(PAMJ)**

Diluluskan Oleh : Pendaftar Pertubuhan Malaysia

Pada 28 Jun 2018

No Pertubuhan : PPM-017-14-28062018

— فرساتوان —  
**ANAK MELAYU**  
**JOHOR**

WILAYAH PERSEKUTUAN & SELANGOR

Website : [www.pamj.my](http://www.pamj.my)  
e-mail : [pengurusanpamj@gmail.com](mailto:pengurusanpamj@gmail.com)  
WhatsApp : 019-7468094  
Facebook : [pamj.my](https://www.facebook.com/pamj.my)

**PERLEMBAGAAN  
BAGI PERTUBUHAN INDUK  
PERSATUAN ANAK MELAYU JOHOR  
WILAYAH PERSEKUTUAN & SELANGOR (PAMJ)**

**No. Pertubuhan : PPM-017-14-28062018**

*(Pindaan 1. 21 April 2019)  
(Pindaan 2. 26 Disember 2020)*

**KANDUNGAN**

<b>Fasal 1</b>	<b>NAMA</b>	<b>1</b>
<b>Fasal 2</b>	<b>TEMPAT URUSAN</b>	<b>1</b>
<b>Fasal 3</b>	<b>MATLAMAT/TUJUAN</b>	<b>1</b>
<b>Fasal 4</b>	<b>KEAHLIAN</b>	<b>3</b>
<b>Fasal 5</b>	<b>PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI</b>	<b>5</b>
<b>Fasal 6</b>	<b>SUMBER KEWANGAN</b>	<b>6</b>
<b>Fasal 7</b>	<b>MESYUARAT AGUNG</b>	<b>7</b>
<b>Fasal 8</b>	<b>JAWATANKUASA</b>	<b>8</b>
<b>Fasal 9</b>	<b>KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI</b>	<b>11</b>
<b>Fasal 10</b>	<b>KEWANGAN</b>	<b>12</b>
<b>Fasal 11</b>	<b>PEMERIKSA KIRA-KIRA ATAU JURU AUDIT</b>	<b>13</b>
<b>Fasal 12</b>	<b>PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH</b>	<b>14</b>
<b>Fasal 13</b>	<b>TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN</b>	<b>14</b>
<b>Fasal 14</b>	<b>PENASIHAT / PENAUNG</b>	<b>15</b>
<b>Fasal 15</b>	<b>LARANGAN</b>	<b>15</b>
<b>Fasal 16</b>	<b>PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>	<b>15</b>
<b>Fasal 17</b>	<b>PEMBUBARAN</b>	<b>16</b>
<b>Fasal 18</b>	<b>BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA</b>	<b>16</b>

**PERLEMBAGAAN BAGI PERTUBUHAN INDUK  
PERSATUAN ANAK MELAYU JOHOR  
WILAYAH PERSEKUTUAN & SELANGOR (PAMJ)  
( No. Pertubuhan : PPM-017-14-28062018 )**

*(Pindaan 1. 21 April 2019)  
(Pindaan 2. 26 Disember 2020)*

**Fasal 1 NAMA :**

(1) Pertubuhan ini di kenali dengan

**PERSATUAN ANAK MELAYU JOHOR WILAYAH PERSEKUTUAN &  
SELANGOR**

Selepas ini disebut "Pertubuhan"

(2) Takrif Nama : **Persatuan Anak Melayu Johor Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur, Putrajaya & Selangor Darul Ehsan (PAMJ)**

**Fasal 2 TEMPAT URUSAN :**

1. Alamat berdaftar urusan pertubuhan ialah

**C11-2 Dataran Palma, Jalan Selaman 1 off Jalan Ampang, 68000  
Ampang, Selangor.**

Dan alamat untuk surat menyurat adalah

**C11-2 Dataran Palma, Jalan Selaman 1 off Jalan Ampang, 68000  
Ampang, Selangor.**

atau di lain tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari  
masa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak  
boleh di ubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

**Fasal 3 TUJUAN/MATLAMAT :**

**Fasal 3.1 TUJUAN**

- a. Persatuan atau pertubuhan ini diwujudkan bagi memupuk semangat  
ukhwah, persaudaraan dan muhibah dalam kalangan ahli khususnya  
dan masyarakat umum amnya.
- b. Mengwujudkan perhubungan dengan pihak istana dan Pentadbiran  
negeri Johor, Pentadbiran negara dan badan-badan sukarela yang lain.

- c. Meningkatkan kefahaman agama untuk membawa kepada kemajuan rohani dan kebendaan yang seiring dan seimbang dengan kebenaran daripada pihak berkuasa tertentu terlebih dahulu.
- d. Menggalak dan membantu ahli yang cenderung dan berpotensi dalam pelbagai bidang , seperti bidang ekonomi dan keusahawanan untuk mereka mencapai kejayaan yang cemerlang .
- e. Membantu ahli dalam hal kebajikan.
- f. Memperkenalkan dan mengembangkan budaya bangsa.
- g. Memberi sumbangan dalam penyempurnakan aspirasi negara dalam bidang ekonomi , pendidikan, agama, sukan, kebudayaan dan kemasyarakatan.
- h. Menjalankan aktiviti-aktiviti yang menjurus ke arah kebajikan masyarakat sesuai dengan slogan masyarakat penyayang yang subur dengan nilai-nilai patriotisme, setiakawan, muhibah serta permuafakatan sebagai wadah perjuangan.
- i. Persatuan ini tidak sama sekali akan mencampuri perkara POLITIK.

### **Fasal 3.2 USAHA DAN KEGIATAN :**

- a. Mengadakan perjumpaan sosial, menganjurkan kursus, seminar, bengkel kerja , simposium, konvensyen dan lain-lain untuk ahli- ahli sebagai cara mendapatkan pandangan yang membina untuk faedah dan kemajuan persatuan serta ahli-ahli khususnya dan masyarakat umum amnya.
- b. Melaksanakan aktiviti-aktiviti kerohanian , contohnya dengan mengadakan majlis-majlis keagamaan, ceramah dan tazkirah, kelas agama, membudayakan pembacaan al-Quran dan sebagainya.
- c. Merancang dan menyertai kegiatan ekonomi yang akan dapat memberi faedah dan keuntungan kepada Persatuan berlandaskan undang-undang dan Rukun Negara.
- d. Mengumpul dana bagi faedah Persatuan, memiliki harta dan boleh menjual harta- harta tersebut dengan syarat mendapat persetujuan Jawatankuasa Pentadbir. Semua wang dan keuntungannya yang didapati oleh Persatuan hasil daripada projek dan program yang dilaksanakan akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan tujuan-tujuan Persatuan ini. Tidak sebahagian pun daripada wang atau keuntungan itu akan digunakan untuk membayar faedah atau bonus kepada mana- man ahli Persatuan. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang dibuat dengan tujuan baik, seperti untuk membayar gaji atau perbelanjaan atau kedua-duanya kepada mana-mana ahli atau pekerja persatuan ini.

- e. Mengadakan khidmat perunding, nasihat penyelidikan dan sebahagiannya, apabila diperlukan.
- f. Menganjurkan kutipan derma sama ada untuk amal kebajikan ataupun untuk faedah persatuan dengan yang cara tidak bertentangan dengan peruntukan undang-undang.
- g. Mengedarkan maklumat dan penerangan tentang kegiatan persatuan dan maklumat-maklumat lain yang berfaedah kepada ahli dari semasa ke semasa .
- h. Menyemai serta memupuk perasaan cinta dan minat terhadap nilai-nilai seni dan budaya.
- j. Memberi bantuan, seberapa yang boleh, khususnya kepada ahli-ahli atau keluarga mereka dan masyarakat umum amnya bagi kemajuan dalam bidang pendidikan, sukan dan lain-lain.

**Fasal 4 KEAHLIAN :**

**Fasal 4.1 KATEGORI AHLI**

- a. Keahlian Persatuan ini adalah seperti berikut :
  - i. Ahli Seumur Hidup
  - ii. Ahli Bersekutu
  - iii. Ahli Eminent ( Orang-orang Tersohor)

**b. Ahli Seumur Hidup :**

Warganegara Malaysia yang dilahirkan di Johor atau salah seorang ibu bapanya lahir di Johor, keturunan Melayu dan beragama Islam, berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan bermastautin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Selangor Darul Ehsan.

**Tafsiran Melayu seperti dalam Fasal 13. C.**

**c. Ahli Bersekutu :**

Warganegara Malaysia, suami/isteri kepada Ahli Seumur Hidup, keturunan Melayu dan beragama Islam, berumur 18 tahun dan bermastautin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Selangor Darul Ehsan.

Ahli yang telah berpindah keluar kawasan bermastautin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Selangor Darul Ehsan boleh memohon menjadi ahli bersekutu. Keahlian seumur hidupnya akan dikembalikan sekiranya ia telah berpindah semula dengan memaklumkan kepada Setiausaha.

Individu yang asal keturunan dari negeri Johor, tetapi oleh kerana tugas maka keluarga mereka telah pindah Kuala Lumpur atau ke negeri Selangor. Maka salah seorang dari Ibu bapanya tak lahir di Johor tetapi hati dan jiwa mereka dan kesetiaan mereka kepada Sultan Johor. Mereka juga masih ada ahli keluarga yang tinggal di negeri Johor.

d. Ahli Eminent (Tersohor)

Warganegara Malaysia yang dilahirkan di Johor atau salah seorang ibu bapanya lahir di Johor, keturunan Melayu dan beragama Islam, merupakan tokoh masyarakat yang disegani yang sedang menyandang atau pernah menyandang jawatan tertinggi kerajaan (Jusa A ke atas) atau tokoh korporat ternama .

**Fasal 4.2 SYARAT MENJADI AHLI :**

Seorang yang hendak menjadi AHLI SEUMUR HIDUP atau AHLI BERSEKUTU atau AHLI EMINENT hendaklah :

- a. berumur tidak kurang daripada 18 tahun, dan mempunyai akal fikiran yang sempurna serta tinggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Selangor Darul Ehsan.
- b. mengaku dan bersetuju menerima dan menurut undang-undang dan rancangan serta tujuan Persatuan.
- c. Pelajar Universiti / Kolej Universiti boleh diterima menjadi ahli Persatuan dengan mendapat kebenaran bertulis daripada Naib Canselor Universiti berkenaan.

Ahli Eminent (Tersohor) adalah keahlian yang ditawarkan dan dilantik sebagai ahli dengan persetujuan individu tersebut.

**Fasal 4.3 PERMOHONAN MENJADI AHLI :**

- a. Permohonan untuk menjadi AHLI SEUMUR HIDUP atau AHLI BERSEKUTU hendaklah dibuat di dalam borang yang disediakan oleh Persatuan dan dihantar kepada Persatuan melalui Setiausaha.
- b. Tiap-tiap permohonan akan ditimbang oleh Jawatankuasa Pentadbir yang akan memutuskan sama ada diterima atau ditolak dan keputusannya adalah muktamad
- c. Pemohon yang diterima masuk menjadi ahli ini dikenakan membayar yuran dari tarikh dia diterima menjadi ahli. Yuran ini hendaklah dijelaskan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh dia diberitahu.
- d. Pemohon yang tidak menjelaskan yurannya dalam tempoh empatbelas ( 14 ) hari seperti ( d ) di atas akan dianggap sebagai telah menarik kembali permohonannya ( berhenti ).

- e. Pemohon hanya akan didaftarkan sebagai AHLI SEUMUR HIDUP atau AHLI BERSEKUTU apabila semua yuran yang patut dijelaskan telah dibayar.

**Fasal 4.4 YURAN :**

- a. Tiap-tiap seorang yang telah disahkan menjadi Ahli akan dikenakan bayaran seperti di bawah ini :
  - i. AHLI SEUMUR HIDUP : RM100.00

**Fasal 4.5 HAK – HAK AHLI :**

- a. Seorang AHLI SEUMUR HIDUP boleh di pilih atau dilantik menjadi PEGAWAI atau AHLI JAWATANKUASA PENTADBIR, tertakluk kepada fasal 8.1 b.
- b. Seorang AHLI SEUMUR HIDUP mempunyai suara mengundi di dalam segala urusan, perjalanan serta harta Persatuan ini.
- c. Seorang AHLI BERSEKUTU dan AHLI EMINENT (TERSOHOR) tidak berhak menjadi PEGAWAI atau AHLI JAWATANKUASA PENTADBIR atau mengundi dalam sebarang mesyuarat kecuali memberikan buah fikiran jika dibenarkan oleh Pengerusi Mesyuarat.
- d. Tiap-tiap ahli hendaklah diberi dengan percuma satu salinan Perlembagaan Persatuan ini apabila diterima menjadi ahli. Mana-mana orang boleh diberi satu salinan Perlembagaan berdaftar Pertubuhan ini apabila diminta dan dibayarnya wang sebanyak tidak lebih daripada RM 5.00 (Ringgit Malaysia: Lima) atau Ahli-ahli boleh mengakses dan muat turun Perlembagaan dari laman web PAMJ.
- e. Buku-buku Persatuan ini dan daftar ahli-ahlinya boleh diperiksa oleh sebarang ahli atau seseorang yang mempunyai sesuatu kepentingan dalam kumpulan wang tabungan Persatuan dengan syarat memberitahu Setiausaha 5 hari terlebih dahulu.
- f. Ahli-ahli yang ada kemusykilan terhadap pegawai-pegawai Persatuan atau Persatuan ini boleh mengemukakan kemusykilannya di dalam Mesyuarat Agung dan keputusan Mesyuarat Agung adalah muktamad. Bekas ahli dan mereka yang ada bersangkutan dengan Persatuan ini boleh mengemukakan kemusykilan ke dalam Mesyuarat Agung melalui ahli Pertubuhan.

**Fasal 5 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI :**

- a. Seorang ahli Persatuan hendaklah dianggap telah berhenti dan terlucut daripada menjadi ahli Persatuan jika :
  - i. Dia berhenti atas permintaannya sendiri setelah memberitahu setiausaha empat belas ( 14 ) hari terlebih dahulu.

- ii. Dia diberhentikan atau di pecat dari menjadi ahli oleh JAWATANKUASA PENTADBIR setelah JAWATANKUASA PENTADBIR Tidak berpuas hati dengan penjelasan jawapan Surat Tunjuk Sebab tidak boleh diambil tindakan ( show cause letter ) kerana melakukan sesuatu perkara yang mencemarkan nama baik Persatuan. Ahli yang diberi surat tunjuk sebab hendaklah memberi balasan bertulis kepada Setiausaha dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh surat dikeluarkan.

Ahli yang diberhentikan boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Pentadbir dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh surat pemberhentian menjadi ahli di keluarkan. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung keahlian ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis.

Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Kegagalan memberi jawapan keatas Surat Tunjuk Sebab secara langsung akan menyebabkan keahliannya diberhentikan. Keputusan Jawatankuasa adalah muktamad.

Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

- iii. Dia telah berpindah keluar dari Wilayah Persekutuan Putrajaya atau Selangor dan tidak mengemukakan surat permohonan menjadi ahli Bersekutu kepada Setiausaha (Fasal 4.1 c)
- b. Ahli-ahli yang berhenti mengikut Fasal 4.6 di atas hendaklah dipotong namanya dari DAFTAR AHLI PERSATUAN selepas sahaja pemberhentiannya itu disahkan dalam MESYUARAT JAWATANKUASA PENTADBIR.
- c. Tiap-tiap ahli yang berhenti sama ada dengan sendiri atau dipecat oleh JAWATANKUASA PENTADBIR tidak berhak menuntut sebarang faedah daripada PERSATUAN.

## **Fasal 6 SUMBER KEWANGAN**

Sumber kewangan Persatuan adalah dari Yuran Keahlian dan sumbangan derma. Persatuan berhak dan boleh menerima sumbangan dan derma daripada Ahli Persatuan dan Badan-badan lain dalam bentuk tunai, barangan atau perkhidmatan yang akan memberi faedah kepada Persatuan asalkan tidak bercanggah dengan undang-undang, Perlembagaan dan dasar Persatuan. Derma dan sumbangan itu tidak boleh dituntut kembali .

Untuk perbelanjaan yang mustahak bagi menggerakkan program dan mentadbirkan Persatuan ini, projek pengumpulan dana boleh diadakan dan derma sukarela boleh dikutip daripada ahli-ahli.

Bendahari hendaklah menyimpan buku catatan dan inventori bagi segala sumbangan, hadiah atau derma itu serta wang tunai.



## **Fasal 7 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN DAN MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA**

### **Fasal 7.1 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN**

- a. Pengelolan Persatuan ini terserah kepada keputusan Ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung . Oleh itu, sekurang-kurangnya satu perdua daripada jumlah Ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah Ahli Jawatankuasa Pentadbir ikut mana yang kurang, hendaklah hadir pada Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi bilangan ( korum ) untuk mesyuarat.
- b. Jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang ditetapkan untuk bermesyuarat, maka mesyuarat hendaklah ditangguhkan ke satu tarikh ( tidak lebih daripada 30 hari ) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pentadbir. Jika korum masih tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka ahli – ahli yang hadir berkuasa menjalankan mesyuarat tetapi tidak berkuasa mengubah keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
- c. Setiausaha hendaklah menghantar surat atau cara media yang dipersetujui yang mudah dan berkesan untuk disampaikan makluman Panggilan Mesyuarat kepada setiap ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung diadakan dengan menyatakan tarikh, waktu, dan tempat serta agenda. Buku Laporan Mesyuarat Agung hendaklah memasukkan atur cara mesyuarat, salinan-salinan panggilan mesyuarat, minit-minit mesyuarat, laporan-laporan aktiviti berserta dengan penyata kira-kira Persatuan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan Buku Laporan Mesyuarat Agung ini hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli.
- d. Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan sebelum akhir tahun pada tiap- tiap tahun. Penangguhan mesyuarat hendaklah dengan kebenaran bertulis daripada pihak Pendaftar Pertubuhan. Mesyuarat Agung ini hendaklah di Pengerusikan oleh Presiden.

Jika Presiden berhenti maka mesyuarat boleh dipengerusikan oleh Naib Presiden, sekiranya mereka berhenti maka SETIAUSAHA hendaklah menjalankan Persidangan itu bagi memilih Pengerusi yang baru.

#### **SUSUNAN AGENDA MESYUARAT AGUNG :**

- i. Doa
- ii. Ucapan Presiden
- iii. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung yang lalu
- iv. Membentang dan mengesahkan Laporan Aktiviti Tahunan
- v. Membentang dan mengesahkan Penyata Kewangan Tahunan.
- vi. Pemilihan Jawatan Kuasa Pentadbir dan Pemeriksa Kira – Kira menurut Fasal 8 dan Fasal 11
- .vii. Membincangkan dan meluluskan usul-usul sekiranya ada yang telah dimajukan kepada Setiausaha sekurang-kurangnya tujuh ( 7 ) hari sebelum mesyuarat diadakan.
- vii. Ucapan Penangguhan.

**Fasal 7.2 MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA :**

- a. Mesyuarat Luar Biasa hendaklah diadakan apabila diminta oleh sekurang-kurangnya 1 / 3 daripada jumlah Ahli Persatuan yang berhak mengundi. Mesyuarat ini boleh juga dipanggil oleh Presiden apabila difikirkan perlu.
- b. Manakala permintaan bertulis yang ditandatangani oleh sejumlah 1/3 daripada Ahli Persatuan yang berhak mengundi diterima, maka Setiausaha hendaklah memanggil Mesyuarat Agung Luar Biasa sekurang-kurangnya empat belas ( 14 ) hari sebelum mesyuarat itu diadakan.
- c. Hanya perkara-perkara yang disebutkan dalam permintaan itu sahaja yang akan dibincangkan.
- d. Fasal 7.1 ( a ) dan ( b ) dalam undang – undang ini iaitu berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa, tetapi dengan syarat iaitu jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa atas permintaan ahli-ahli maka Mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Luar Biasa atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

**Fasal 8 JAWATANKUASA :**

**Fasal 8.1 JAWATANKUASA PENTADBIR**

- a. Sebuah Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pentadbir hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung pada setiap Tiga ( 3 ) tahun sekali bagi mengurus dan mentadbirkan kerja-kerja Persatuan dan melaksanakan keputusan-keputusan yang dipersetujui pada Mesyuarat Agung. Jawatankuasa Pentadbir ini terdiri daripada :
  - i. Seorang PRESIDEN
  - ii. 2 ORANG NAIB PRESIDEN
  - iii. 4 ORANG AHLI JAWATANKUASA PENTADBIR
  - iv. Tidak lebih daripada 6 orang Ahli Jawatankuasa Pentadbir boleh dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Ahli Jawatankuasa Pentadbir termasuk seorang Penolong Setiausaha sekiranya perlu.
  - v. 2 Orang Ahli sebagai Pemeriksa Kira-kira atau sebuah SYARIKAT JURUAUDIT.
- b. Kelayakan ahli menawarkan diri sebagai calon untuk bertanding didalam pemilihan Jawatan kuasa Pengurusan.
  - i. Hanya mereka yang telah menjadi ahli sekurang-kurangnya 2 tahun pada hari pemilihan layak menawarkan diri sebagai calon bagi merebut jawatan sebagai Presiden dan Naib Presiden. Manakala bagi lain-lain jawatan hendaklah telah menjadi ahli sekurang-kurangnya satu tahun pada hari pemilihan diadakan.

- ii. Mana-mana ahli yang telah menawarkan diri sebagai calon semasa pemilihan dan telah dipilih sebagai Ahli Jawatan kuasa Pentadbir, tetapi telah dipecat atau berhenti dari memegang jawatan tersebut maka dengan sendirinya akan hilang kelayakan untuk menawarkan diri sebagai calon dalam pemilihan tahun berikutnya.
- c. Nama-nama ahli untuk menganggotai Jawatankuasa Pentadbiran hendaklah dicadangkan dan disokong melalui pengundian oleh ahli-ahli pada Mesyuarat Agung Tahunan.
- d. Presiden diberi mandat untuk melantik mana-mana ahli sebagai seorang Setiausaha , seorang Penolong Setiausaha dan seorang Bendahari
- e. Semua pegawai boleh dipilih semula dalam Mesyuarat Agung yang diadakan pemilihan Jawatankuasa tertakluk kepada Fasal 8.1 b. Walau bagaimanapun tempoh Presiden memegang jawatan tidak boleh lebih dari 3 penggal secara berturut-berturut. Mantan Presiden boleh menawarkan diri untuk dipilih semula sebagai Presiden setelah tempoh satu penggal dipegang oleh seorang Presiden yang lain tamat dalam pemilihan Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya.

## **Fasal 8.2 KEWAJIPAN DAN KUASA JAWATANKUASA PENTADBIR**

- a. Jawatankuasa Pentadbir adalah bertanggungjawab membentuk dan melaksanakan dasar- dasar Persatuan yang berkaitan dengan ekonomi , pendidikan, kebajikan, kewangan dan sebagainya yang berhubung dengan Persatuan.
- b. Jawatankuasa Pentadbir berhak menyelesaikan sebarang perselisihan faham yang berbangkit di antara ahli atau dengan Badan – Badan dan Persatuan lain yang serupa tujuannya. Jawatankuasa Pentadbir hendaklah berikhtiar dan menjalinkan kerjasama dengan Persatuan – Persatuan lain di negara ini demi kemajuan Persatuan sesuai dengan Perlembagaan dan dasar Persatuan yang tidak berbau Politik.
- c. Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung diadakan.
- d. Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Persatuan, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Persatuan.

- e. Jawatankuasa yang lama hendaklah menyerahkan semua dokumen Pertubuhan seperti sijil pendaftaran, perlembagaan berdaftar, dokumen daftar keahlian, salinan Penyata Tahunan, surat-surat maklumbalas, buku-buku akaun, buku bank, cek dan resit, geran-geran tanah, senarai aset dan sebagainya kepada Jawatankuasa baru.

### **Fasal 8.3 MESYUARAT JAWATANKUASA PENTADBIR :**

- a. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun. Setiausaha hendaklah menghantar Notis bagi tiap-tiap mesyuarat kepada ahli Jawatankuasa 7 hari terlebih dahulu. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 4 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat
- b. Pemberitahuan tarikh mesyuarat hendaklah diedarkan secara bertulis atau cara media yang mudah dan berkesan diputuskan oleh Jawatankuasa kepada semua Ahli Jawatankuasa Pentadbir.
- c. Korum bagi mesyuarat ini ialah sekurang-kurangnya 1/2 daripada jumlah bilangan Ahli Jawatankuasa Pentadbir.
- d. Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan dari ahli-ahli Jawatankuasa secara pagedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa :
  - i. Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa;
  - ii. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap itu; dan,
  - iii. Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatitkan dalam minit.
- e. Jika dalam sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir, Presiden tidak hadir, maka Naib Presiden hendaklah mempengerusikan mesyuarat. Jika kedua-dua Naib Presiden tidak hadir, Ahli-Ahli Jawatankuasa yang hadir bolehlah melantik salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa untuk mempengerusikan mesyuarat pada hari itu.
- f. Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan.

**Fasal 8.4 JAWATANKUASA KECIL :**

Jawatankuasa Pentadbir boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

**Fasal 8.5 BERHENTI DARIPADA MENJADI AHLI JAWATANKUASA :**

- a. Seorang Ahli Jawatankuasa yang dipilih atau di lantik akan berhenti daripada menjadi Ahli Jawatankuasa Pentadbir dengan sebab-sebab berikut :
  - i. Dia meletakkan jawatannya atas kehendak sendiri setelah memberitahu Setiausaha tujuh (7) hari terlebih dahulu.
  - ii. Tertakluk kepada FASAL 8.3 f. Jawatankuasa tidak menghadiri mesyuarat yang diadakan selama tiga ( 3 ) kali berturut-turut dengan tidak memberi sebab-sebab yang munasabah.
  - iii. Terlucut keahlian seperti dalam FASAL 5.
- b. Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir adalah berkuasa memecat seseorang Ahli Jawatankuasa Pentadbir yang dipilih atau dilantik atas sebab-sebab yang dianggap merosakkan nama baik dan perjalanan Persatuan dan menggantikannya dengan seseorang ahli yang lain jika perlu.
- c. Seseorang Ahli Jawatankuasa Pentadbir yang telah dipecat atau digugurkan boleh merayu kepada Jawatankuasa Pentadbiran secara bertulis dalam masa empatbelas (14) hari dari tarikh pemecatan

**Fasal 9 KEWAJIPAN–KEWAJIPAN PEGAWAI :**

- a. **PRESIDEN :** tugasnya ialah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir, Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa, menandatangani pengesahan Minit-minit Mesyuarat dan mengetuai apa jua acara atau perjumpaan anjuran Persatuan. Dia bertanggungjawab sepenuhnya atas kemajuan dan kelancaran perjalanan Persatuan.
- b. **NAIB PRESIDEN :** tugas mereka ialah membantu dan menggantikan Presiden dalam ketiadaannya. (dengan apa-apa sebab pun) Naib Presiden yang mendapat undi terbanyak akan memangku jawatan tersebut sehingga Mesyuarat Agung Pemilihan yang akan datang.
- c. **SETIAUSAHA :**
  - i. Menyediakan perkara-perkara yang berkaitan dengan mesyuarat dan memanggil mesyuarat-mesyuarat yang perlu diadakan mengikut perlembagaan dan peraturan.
  - ii. Mencatat dan menyimpan minit- minit mesyuarat dan record Persatuan yang lain.
  - iii. Menentukan segala keputusan mesyuarat dilaksanakan menurut yang dikehendaki.

- iv. Menyimpan Buku Daftar Ahli Persatuan yang lengkap.
  - v. Bertanggungjawab terhadap segala urusan Persatuan termasuk harta bendanya dan kakitangan Persatuan yang bergaji jika ada.
  - vi. Membuat laporan tahunan dan laporan-laporan yang ditugaskan oleh Jawatankuasa Pentadbir kepadanya.
  - vii. Menguruskan semua hal surat-menyurat yang berhubung dengan Persatuan.
  - viii. Membentangkan Laporan Aktiviti Tahunan di Mesyuarat Agung Tahunan
- d. **PENOLONG SETIAUSAHA :**
- Membantu kerja Setiausaha dalam urusan-urusan yang ditugaskan dan menggantikan Setiausaha ketika ketiadaannya.
- e. **BENDAHARI**
- i. Memungut yuran daripada Ahli-ahli Persatuan.
  - ii. Membuka akaun dan menyimpan wang Persatuan di mana-mana Bank yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pentadbir.
  - iii. Menandatangani cek serta lain-lain dokumen pengeluaran bersama Presiden, Setiausaha atau mana-mana Jawatankuasa yang di putuskan.
  - iv. Menyimpan wang tunai tidak lebih daripada RM500.00 ( Ringgit Lima Ratus sahaja ) untuk perbelanjaan runcit bagi urusan Persatuan.
  - v. Menyimpan Buku Kira-Kira wang keluar dan masuk dengan sempurna.
  - vi. Mengeluarkan resit-resit bagi semua wang yang diterima dan resit-resit pembayaran yang di buat serta menandatangani semua baucer
  - vii. Membuat Penyata Kewangan Bulanan untuk dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir.
  - viii. Menyedia dan membentangkan Penyata Kewangan di Mesyuarat Agung Tahunan.

**Fasal 10 KEWANGAN :**

- a. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam perlembagaan ini wang Persatuan ini boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Persatuan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah juruaudit.
- b. Bendahari dibenarkan menyimpan wang tunai tertakluk kepada Fasal 9. e. iv tidak lebih daripada RM 500 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih dari jumlah itu mestilah dalam tempoh 7 hari dimasukkan ke dalam akaun bank atas nama Persatuan.

- c. Jawatankuasa Pentadbir hendaklah memutuskan di Bank mana akaun dibuka untuk urusan bank Persatuan. Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun Pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama oleh Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa berhak melantik sesiapa antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau pengeluaran wang Pertubuhan semasa ketiadaan mana-mana penandatanganan tersebut.
- d. Perbelanjaan di bawah RM20,000 ( Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu ) pada sesuatu masa boleh diluluskan di peringkat Presiden bersama Setiausaha dan Bendahari. Perbelanjaan yang melebihi RM20,001.00 ( Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu dan Satu ) pada sesuatu masa mestilah diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Pentadbir. Perbelanjaan yang melebihi RM1,000,001.00 ( Ringgit Malaysia Satu Juta dan Satu Ringgit ) hanya boleh dilakukan setelah mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu .
- e. Penyata kewangan bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Juruaudit yang dilantik di bawah Fasal 11 perlembagaan ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kewangan yang telah diaudit itu hendaklah diedarkan untuk makluman ahli-ahli dan dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut.
- f. Tahun kewangan Persatuan ini hendaklah bagi tempoh 12 bulan iaitu bermula dari 1hb Januari sehingga 31hb Disember , pada tiap-tiap tahun.
- g. Setiap salinan tersebut hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Pertubuhan. Tiap-tiap ahli hendaklah diberi dengan percuma satu salinan kunci kira-kira, Penyata penerimaan dan perbelanjaan atau penyata kewangan lain-lain yang sempurna diaudit apabila diminta.

**Fasal 11 PEMERIKSA KIRA-KIRA ATAU JURU AUDIT**

- a. 2 orang ahli selain daripada Ahli Jawatankuasa Pentadbiran atau sebuah SYARIKAT JURUAUDIT bertauliah hendaklah dipilih pada Mesyuarat Agung setiap 3 tahun sekali untuk menjadi Pemeriksa Kira-Kira.
- b. Pemeriksa Kira-Kira yang dilantik oleh Mesyuarat Agung hendaklah bebas daripada memegang sebarang jawatan dalam Jawatankuasa Pentadbir. Mereka bertanggungjawab memeriksa Buku Akaun Persatuan pada bila-bila masa yang dikehendaki dalam tempoh perkhidmatan mereka. Mereka mungkin menjalankan pemeriksaan apabila diminta oleh PRESIDEN PERSATUAN dan hasil pemeriksaan mereka hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Pentadbir. Mereka Bertanggungjawab memeriksa Penyata Kewangan Tahunan Persatuan dan memberikan kenyataan untuk dibentangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan.

## **Fasal 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH**

- a. Segala harta tidak alih Pertubuhan hendaklah didaftarkan atas nama Tiga orang Pengamanah dari Jawatankuasa Pentadbiran yang berumur lebih daripada 21 tahun, hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran, dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Persatuan. Pada masa itu yang mana perlantikan mereka disahkan melalui sijil perakuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan dan dimeteri dengan meteri Persatuan. Semua harta takalih yang dipunyai oleh Pertubuhan akan dimanahkan kepada mereka dengan menandatangani suatu Surat Amanah (Deed of Trust).
- b. Pengamanah-Pengamanah hendaklah menjaga semua harta Persatuan dan Harta tidak alih Pertubuhan tidak boleh dijual, digadai, ditarik balik atau ditukar milik tanpa persetujuan Mesyuarat Agung.
- c. Seseorang Pengamanah itu boleh dilucutkan daripada jawatannya Jawatankuasa Pentadbir oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau kerana lain sebab yang mengakibatkan ia tidak boleh menjalankan tugas-tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pemecatan seseorang Pengamanah dilantik di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir dengan secepat mungkin, maka kekosongan itu boleh dipenuhi oleh Pengamanah yang baru yang

## **Fasal 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERSATUAN :**

- a. Dalam tempoh diantara dua Mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada perlembagaan ini dan Jawatankuasa, jika perlu, boleh memutuskan perkara-perkara yang kurang jelas di dalam perlembagaan ini.
- b. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam mesyuarat agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.
- c. PERLEMBAGAAN MALAYSIA ARTIKEL 160

### **Tafsiran Melayu:**

Ertinya seseorang yang menganuti Agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu menurut adat Istiadat Melayu dan :

- i. Lahir sebelum hari Merdeka di Persekutuan atau di Singapura atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura atau pada hari Merdeka, dia bermastautin di Persekutuan atau di Singapura, atau
- ii. Dia adalah keturunan seorang yang tersebut.
- iii. Keahlian Persatuan ini tidak dihadkan bilangannya asalkan mereka itu termasuk dalam golongan yang tersebut dalam perenggan ( i ) diatas.



#### **Fasal 14      PENAUNG DAN PENASIHAT :**

- a. Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penaung/Penasihat bagi Pertubuhan ini dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis terlebih dahulu.
- b. Persatuan boleh memohon perkenan seorang Penaung Diraja bagi menaungi Persatuan di samping seorang Penaung. Persatuan juga boleh melantik beberapa orang Penasihat dengan persetujuan mereka oleh Jawatankuasa Pentadbir . Mereka hendaklah orang yang layak dan mempunyai kebolehan dan kecenderungan terhadap Persatuan.
- c. Jika Penaung atau Penasihat yang tersebut di atas meninggal dunia, berhenti atau diberhentikan daripada jawatannya, maka Jawatankuasa Pentadbir akan melantik Penaung atau Penasihat yang baru.
- d. Penaung adalah tempat Persatuan bergantung harap dan memberi sokongan kepada persatuan dalam pelaksanaan aktiviti.
- e. Penasihat-Penasihat berhak memerhatikan serta mengambil tahu perjalanan Persatuan ini. Mereka adalah tempat meminta nasihat atau pandangan bagi kebajikan dan kepentingan Persatuan apabila timbul sesuatu kemuskilan atau isu yang tidak dapat diselesaikan oleh Jawatankuasa Pentadbiran pada bila-bila masa jua.

#### **Fasal 15      LARANGAN**

- a. Sebarang bentuk perjudian seperti yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Judi Terbuka, arang di permis pertubuhan.
- b. Persatuan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Persatuan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli, tanpa kelulusan dari pihak berkuasa yang berkenaan.
- c. Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Pertubuhan ini hasil dari penyertaannya dalam kegiatan ekonomi hendaklah disalurkan kembali kepada pertubuhan bagi mencapai matlamat pertubuhan ini dan tidak boleh digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada mana- mana ahli Pertubuhan. Sungguhpun begitu peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran gaji atau perbelanjaan pentadbiran atau kedua- duanya kepada manamana ahli atau pekerja Persatuan.

#### **Fasal 16      PINDAAN PERLEMBAGAAN**

- a. Perlembagaan ini tidak boleh dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung.
- b. Permohonan untuk pindaan perlembagaan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung yang meluluskan pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan. Pindaan yang telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan hendaklah diberitahu kepada ahli-ahli.

**Fasal 17 PEMBUBARAN :**

- a. Persatuan ini tidaklah boleh dibubar atau dimansuhkan kecuali dengan persetujuan sekurang – kurangnya 3 / 4 daripada jumlah ahli yang hadir dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan untuk menentukan perkara ini.
- b. Sekiranya Persatuan ini dibubarkan maka segala hutang - hutang dan tanggungan Persatuan hendaklah diselesaikan dan jika ada bakinya hendaklah dibahagikan menurut keputusan Mesyuarat Agung Luar Biasa di atas.
- c. Keputusan berkenaan dengan pembubaran ini yang ditandatangani oleh tiga ( 3 ) orang Pegawai Kanan Persatuan hendaklah disampaikan kepada PENDAFTAR PERTUBUHAN tidak lewat daripada empat belas ( 14 ) hari selepas keputusan itu diambil.

**Fasal 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA PERSATUAN :**

1. Bendera
2. Lambang



**Keterangan**

**Lambang dan lencana Persatuan Anak Negeri Johor Darul Ta'zim - (PAMJ)** merujuk kepada simbol atau lambang yang digunakan oleh persatuan. Ia bagi menunjukkan identitinya sebagai sebuah persatuan anak negeri. Simbol-simbol tersebut melambangkan tujuan dan matlamat penubuhannya. Ia di pengaruhi oleh lambang negeri Johor, agama Islam serta ciri-ciri siasah dan alam semulajadi yang terdapat di negeri ini.

Warna biru laut memenuhi sebahagian besar lambang dan warna merah cerah berbentuk perlembagaan yang mengawal urusan persatuan manakala, bahagian berwarna biru pula bermaksud Jawatankuasa dan ahli-ahli yang saling bekerjasama dalam semangat ukhwah yang tinggi.

Tiga titik hitam berbentuk mata tombak diatas huruf "J" menunjukkan persatuan sentiasa bergerak maju dengan teratur. Tulisan jawi diatas kotak merah menggambarkan agama islam sentiasa dijunjung manakala tulisan rumi menggambarkan ilmu dipelbagai bidang menjadi keutamaan.

b. **Lencana**



**Keterangan**

Selain dari lambang, persatuan juga menggunakan logo dalam bentuk “typo” atau huruf. Huruf ini disusun atas kebawah dan menggunakan warna yang sama dengan lambang iaitu hitam bagi tulisan jawi “persatuan” dibahagian atas, warna merah “anak melayu”, warna biru bagi “Johor” dan hitam bagi “Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Selangor”. Ia digunakan bagi pelbagai cetakkan disesuaikan dengan kegunaannya. Ia boleh di gunakan bersama dengan lambang atau bersama-sama dengan atau bersendirian.

Disahkan betul oleh:

Presiden

Setiausaha

*Tarikh : 28 June 2018*

*Pindaan 1 pada 21 April 2019*

*Pindaan 2 pada 26 Disember 2020*

UP: zy26/12/2020PAMJpb